

**UCAPAN
Y.BHG. DATO' MADINAH MOHAMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI
SEMPENA HARI INOVASI MOSTI 2/2010
DI TECHNOLOGY PARK MALAYSIA, 29 JUN 2010**

TERIMA KASIH TUAN/PUAN Pengerusi Majlis

**Y.B. DATUK SERI DR. MAXIMUS JOHNNITY ONGKILI
MENTERI SAINS ,TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)**

**YB TUAN HAJI FADILLAH YUSOF
TIMBALAN MENTERI MOSTI**

**Y.B. DATUK NASARUDIN HASHIM
Pengerusi Technology Park Malaysia (TPM)**

**Y.BHG. DATO' HJ MOHD AZMAN SHAHIDIN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF TPM**

PEGAWAI-PEGAWAI Kanan Kementerian

KETUA-KETUA Jabatan dan Agensi MOSTI

**Y. BHG. DATO'- DATO', DATIN - DATIN SERTA
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN Sekalian.**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM
SEJAHTERA , SALAM 1MALAYSIA, SALAM INOVASI, SALAM 1MOSTI.**

1. ALHAMDULILLAH, TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HAD RAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN RAHMAT NYA JUA KITA SEMUA DAPAT BERKUMPUL PADA PAGI YANG MULIA INI BAGI MERAIKAN HARI INOVASI MOSTI KALI KE-2 TAHUN 2010 DI TECHNOLOGY PARK MALAYSIA.

2. SETERUSNYA, BAGI PIHAK SEMUA WARGA MOSTI , SUKACITA SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN Y.B. MENTERI DAN Y.B. TIMBALAN MENTERI KE PERHIMPUNAN PAGI INI, DI SEBALIK JADUAL MEREKA YANG SEMEMANGNYA SENTIASA PADAT. SESUNGGUHN YA, KEHADIRAN Y.B. MENTERI DAN Y.B. TIMBALAN MENTERI ADALAH AMAT BERMAKNA DAN MERUPAKAN SATU PENGHARGAAN BUAT KAMI. WALAUPUN RAMAI DI KALANGAN WARGA MOSTI JARANG DAPAT BERJUMPA DENGAN YB BERDUA, NAMUN Y.B. MENTERI DAN Y.B. TIMBALAN MENTERI TETAP SENTIASA TERSEMAT DI HATI DAN INGATAN WARGA MOSTI SEMUA.

3. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN BERBANYAK TERIMA KASIH KEPADA TECHNOLOGY PARK MALAYSIA (TPM) DI BAWAH KEPIMPINAN Y.BHG. DATO' HJ. MOHD AZMAN SHAHIDIN SELAKU TUAN RUMAH PADA PAGI INI DAN JUGA BARISAN AHLI JAWATANKUASA PENGANJUR HARI INOVASI BIL. 2/2010 YANG TELAH BERTUNGKUS LUMUS MEMBUAT PERSIAPAN BAGI MEMASTIKAN MAJLIS INI BERJALAN LANCAR DAN MENJADI SATU

LAGI PROGRAM YANG DAPAT DIANJURKAN DENGAN JAYANYA OLEH MOSTI.

4. SAYA JUGA INGIN MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN SEMUA WARGA MOSTI KE MAJLIS YANG AMAT PENTING DAN BERMAKNA INI. SELAIN DARIPADA MEMPERERATKAN IKATAN SILATURRAHIM, MAJLIS INI JUGA MEMBERI PELUANG KEPADA KITA SEMUA UNTUK MENDENGAR DAN MENGHAYATI SECARA TERUS AMANAT DARIPADA Y.B. MENTERI UNTUK DIJADIKAN PANDUAN DAN PENCETUS SEMANGAT UNTUK KITA SEMUA TERUS BERUSAHA KE ARAH MENCAPAI MATLAMAT UNTUK MENERAJUI AGENDA SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI NEGARA.

5. SELAIN DARIPADA ITU, HARI INOVASI PADA KALI INI JUGA ADALAH ISTIMEWA KERANA KITA AKAN MENYEMPURNAKAN PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2009 KEPADA 109 ORANG WARGA MOSTI DAN JABATAN YANG TELAH MEMPAMERKAN PRESTASI CEMERLANG SEPANJANG TAHUN 2009. SAYA PERCAYA ANUGERAH INI AKAN MENJADI PENDORONG KEPADA SEMUA PENERIMA UNTUK TERUS MENGEKAL DAN MENAMBAH BAIK PRESTASI YANG CEMERLANG INI SERTA MENJADI CONTOH DAN TELADAN KEPADA SEMUA WARGA MOSTI UNTUK TURUT MENINGKATKAN PRESTASI MASING-MASING.

HADIRIN SEKALIAN,

6. SEPERTI YANG ANDA SEMUA SEDIA MAKLUM, PELAKSANAAN

MAJLIS HARI INOVASI PADA KALI INI MENYAKSIKAN TRADISI MOSTI DITERUSKAN DI MANA IANYA DIADAKAN SECARA USAHA SAMA, GABUNGAN DI ANTARA MOSTI DAN AGENSI MOSTI SECARA BERGILIR. SYABAS SAYA UCAPKAN DAN SESUNGGUHNYA INISIATIF SERTA KONSEP SEBEGINI PERLU DITERUSKAN PADA MASA-MASA AKAN DATANG KERANA IANYA :

- a) MENCERMINKAN KONSEP 1MOSTI DI MANA KEMENTERIAN DAN AGENSI BERGABUNG SUMBER UNTUK MENJAYAKAN MAJLIS YANG SAMA;**
- b) MENJIMATKAN KOS SERTA MASA; DAN**
- c) MEMPELBAGAIKAN PENGISIAN HARI INOVASI MELALUI PENAMPILAN PELBAGAI PROGRAM BERKAITAN INOVASI TERMASUK PELANCARAN LAGU BARU MOSTI SEBENTAR LAGI.**

7. SELARAS DENGAN KEPUTUSAN KERAJAAN UNTUK MENGGANTIKAN HARI KUALITI KEPADA HARI INOVASI DAN INISIATIF MEMPERKENALKAN ANUGERAH INOVASI, SUKACITA SAYA MEMAKLUMKAN BAHAWA MULAI TAHUN 2010, MOSTI JUGA AKAN MEMPERKENALKAN ANUGERAH INOVASI DALAM PELBAGAI BIDANG BAGI MEMBERI PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN KEPADA JABATAN, AGENSI DAN PENJAWAT AWAM DI MOSTI YANG MENGAMBIL INISIATIF SECARA BERTERUSAN UNTUK MELAKSANAKAN INOVASI DAN MELAKUKAN YANG TERBAIK DALAM ORGANISASI MASING-MASING. DALAM HUBUNGAN INI, BAHAGIAN PENGURUSAN MOSTI

SEDANG MEMPERINCIKAN KATEGORI-KATEGORI SERTA SYARAT BAGI ANUGERAH INOVASI INI SEBELUM IANYA DILAKSANAKAN SEPENUHNYA.

HADIRIN SEKALIAN,

8. KITA TELAH SAMPAI KE PENGHUJUNG RMKE-9 DAN KERAJAAN TELAH MELANCARKAN PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN, MODEL EKONOMI BARU DAN RANCANGAN MALAYSIA KE-10 (RMKE-10) BAGI MEMASTIKAN NEGARA LEBIH BERDAYA SAING DALAM TEMPOH RANCANGAN PEMBANGUNAN EKONOMI YANG AKAN DATANG. WALAU BAGAIMANAPUN, KITA HARUS SENTIASA INGAT BAHAWA TANPA PELAKSANAAN YANG CEKAP DAN PENINGKATAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN OLEH PENJAWAT AWAM SEMUA, PROGRAM DAN INISIATIF TERSEBUT TIDAK MUNGKIN MENCAPAI KEJAYAAN.

9. JUSTERU ITU, UNTUK MEMASTIKAN NEGARA DAPAT MEMBUAT ANJAKAN DARIPADA EKONOMI BERPENDAPATAN SEDERHANA KEPADA EKONOMI BERPENDAPATAN TINGGI, PENJAWAT AWAM SEPERTI KITA HARUS BERSEDIA UNTUK MELAKUKAN TRANSFORMASI DARI SEGI MINDA DAN BUDAYA KERJA UNTUK TURUT BERGERAK SEIRING DENGAN HASRAT KERAJAAN. YAB PERDANA MENTERI DALAM UCAPANNYA SEMASA MAJLIS PERDANA PERKHIDMATAN AWAM KE-11 TELAH MENGGARISKAN EMPAT NILAI ASAS

PELENGKAP KEPADA EMPAT TIANG UTAMA PENTADBIRAN KERAJAAN. EMPAT NILAI ASAS PELENGKAP TERSEBUT IALAH: (I) MEMBUDAYAKAN KREATIVITI DAN INOVASI; (II) MEMENTINGKAN KEPANTASAN BERTINDAK DAN MEMBUAT KEPUTUSAN; (III) NILAI UNTUK WANG (VALUE FOR MONEY); DAN (IV) NILAI INTEGRITI.

10. JUSTERU, SAYA INGIN MENGAJAK SEMUA WARGA MOSTI UNTUK TURUT SERTA SECARA GIGIH DALAM USAHA TRANSFORMASI NEGARA DENGAN MENINGKATKAN PRODUKTIVITI KERJA, MEMILIKI MINDA BERINOVASI DALAM MELAKSANAKAN TUGAS SERTA MENINGKATKAN INTEGRITI DALAM SEMUA ASPEK. KITA HARUS BERSEDIA BERFIKIR DI LUAR KOTAK KEBIASAAN BAGI MELAKUKAN PERUBAHAN DAN ANJAKAN SETERUSNYA, TERUTAMA DALAM PERSEKITARAN EKONOMI BERASAS PENGETAHUAN YANG AMAT KOMPETITIF, SUKAR DIRAMAL DAN DIPENGARUHI OLEH PELBAGAI FAKTOR YANG SENTIASA BERUBAH.

11. AKHIR SEKALI INGIN SAYA MENARIK PERHATIAN SEMUA SUPAYA MEMBERI FOKUS KEPADA PENCAPAIAN KPI YANG TELAH DITETAPKAN SERTA BEKERJASAMA MEMBEKALKAN INPUT KEPADA PROSES PENILAIAN DAN PENARAFAN PRESTASI PERKHIDMATAN AWAM SEPERTI INSPEKTORAT, *MYSTERY SHOPPING* DAN PENARAFAN BINTANG (*STAR RATING*). PROGRAM-PROGRAM SEPERTI INI AMAT PENTING DALAM MENILAI DAN MENGUKUR PRESTASI PENGURUSAN SERTA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN ORGANISASI, MENGGALAKKAN

PERSAINGAN SIHAT ANTARA AGENSI-AGENCI SEKTOR AWAM DAN DAPAT MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN AWAM.

12. UNTUK MAKLUMAN SEMUA, SAYA DIMAKLUMKAN BAHAWA PASUKAN PENILAI PENARAFAN BINTANG MAMPU DIJANGKA AKAN MEMBUAT PENILAIAN KE ATAS PENCAPAIAN MOSTI PADA PENGHUJUNG BULAN JULAI INI. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, MARILAH KITA SAMA-SAMA BERUSAHA DAN BERDOA AGAR MOSTI AKAN MENCAPI TAHAP 5 BINTANG SEPERTI YANG DISASARKAN. SAYA YAKIN BAHAWA KERJASAMA YANG ERAT DAN USAHA YANG BERTERUSAN MERUPAKAN KUNCI YANG AMAT PENTING BAGI MEREALISASIKAN MATLAMAT KITA INI.

13. SEBAGAI PENUTUP BICARA, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA SEMUA PENERIMA APC, DAN JUGA KEPADA TPM SEBAGAI TUAN RUMAH PROGRAM HARI INOVASI BIL. 2/2010 SERTA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT UNTUK MENJAYAKAN MAJLIS PADA PAGI INI. SAYA BERHARAP AGAR SELEPAS INI KITA SEMUA DAPAT MEMBERI PERHATIAN DAN TUMPUAN KEPADA AMANAT YANG AKAN DISAMPAIKAN OLEH Y.B. MENTERI YANG KITA KASIHI.

SAYA SUDAH DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH. WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH WABARAKATUH.

SEKIAN, TERIMA KASIH.